

# Ekspo APK UMS pada 3-6 Mei depan

UB 28.4.16 A21

**KOTAKINABALU:** Bermula daripada idea yang ringkas, Ekspo Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) kembali dengan pelbagai hasil inovasi siswa-siswi UMS pada 3-6 Mei depan.

Menurut kenyataan APK, ekspo tahunan itu yang dianjurkan di Padang Kawad UMS bertujuan menggalakkan siswa-siswi UMS mencipta idea yang kreatif dan baharu melalui inspirasi persekitaran seterusnya menghasilkan inovasi terhadap pembangunan kehidupan seharian.

Ekspo itu juga sebagai satu aktiviti khas dalam Kursus Asas Pembudayaan Keusahawanan, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa

(PPIB) yang menyampaikan ilmu keusahawanan kepada mahasiswa sejajar dengan Lonjakan Pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) iaitu ke arah melahirkan graduan holistik yang bercirikan keusahawanan dan seimbang.

Kenyataan itu turut memaklumkan, ekspo selama empat hari itu akan menyaksikan lebih 140 gerai yang menjual barangan hasil aspirasi dan inovasi siswa-siswi UMS, termasuk makanan, minuman, permainan, pakaian serta perkhidmatan.

Di samping itu, pelbagai aktiviti turut disediakan kepada para pengunjung, antaranya cabaran permainan dengan hadiah lumayan serta

cabutan bertuah untuk mereka yang membuat pembelian lebih RM15.

Ekspo pada tahun ini akan bergabung dengan dua pesta besar universiti, iaitu Karnival Kaamatan sempena Pesta Menuai dan Pesta Tiong Hwa, sekali gus menjanjikan kemeriahan serta menyemarakkan lagi keharmonian masyarakat berbilang kaum di Malaysia melalui persembahan dan pameran budaya yang diadakan serentak.

Justeru, pihak penganjur APK UMS mengalu-alukan kehadiran orang ramai untuk bersama-sama memeriahkan lagi aktiviti serta menikmati kekayaan kebudayaan yang terdapat di Malaysia khususnya negeri Sabah.